

0710

U B604 DEB
MAHATHIR - PILIHANRAYA

1985
ALOR SETAR, 28 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMINTA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL BERSIAP SEDIA MULAI SEKARANG BAGI MENGHADAPI PILIHANRAYA UMUM AKAN DATANG.

BELIAU YANG JUGA PENERUS BARISAN NASIONAL BERKATA WALAUPUN TARIKH PILIHANRAYA BELUM DITETAPKAN TETAPI SEMUA JENTERA KOMPONEN PARTI ITU HARUS MEMBUAT PERSEDIAAN KE ARAH ITU SEKARANG.

SEMUA PERINGKAT JENTERA KOMPONEN BARISAN NASIONAL HENDAKLAH MENJAGA PERPADUAN BAGI MENGHADAPI LAWAN, KATANYA KETIKA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 5,000 ORANG PENYOKONG BARISAN NASIONAL YANG MENYAMBUT KETIBAANNYA DI LAPANGAN TERBANG KEPALA BATAS DEKAT SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH MEMULAKAN LAWATAN RASMI DUA HARI KE NEGERI INI HARI INI.

SAMBIL MEMINTA MAAF KERANA KELEWATAN TIBANYA DI SINI, BELIAU BERSYUKUR KERANA PARA PENYOKONG BARISAN NASIONAL KEDAH TETAP MENUNGGU KETIBAANNYA DENGAN PENUH SABAR WALAUPUN HUJAN.

+ INI MENUNJUKKAN SEMANGAT PERPADUAN YANG KUKUH ANTARA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI BARISAN NASIONAL; + KATANYA. -- LAGI
2213MST 28 03 85

D984

U B605 DEB
MAHATHIR - PILIHANRAYA 2 ALOR SETAR

DATUK SERI DR. MAHATHIR SEKALI MENYATAKAN SEDIH KERANA DUA BUAH NEGARA ISLAM BERPERANG SESAMA SENDIRI MENGAKIBATKAN RAMAI UMAT ISLAM TERBUNUH.

KATANYA PEPERANGAN BUKANLAH CARA ISLAM. ISLAM MENGANJURKAN RUNDINGAN BAGI MENYELESAIKAN MASALAH YANG TIMBUL ANTARA SATU SAMA LAIN.

MALANGNYA, KATANYA TERDAPAT SATU GOLONGAN ATAU PARTI PEMBANGKANG YANG MENDEWA-DEWAKAN TINDAKAN SALAH SEBUAH NEGARA ISLAM ITU DAN MENGANGGAPNYA PERJUANGAN ISLAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA INI JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA PARA PEMIMPIN PARTI PEMBANGKANG ITU LAIN CAKAP LAIN YANG DIBUAT UNTUK FAEDAH DIRI MEREKA.